



*Bab  
Tiga*

## **BAB TIGA**

### **SIFAT DUA PULUH: BAHAGIAN DAN HURAIANNYA**

#### **3.1. SIFAT DUA PULUH.**

Keadaan Akidah Islam selepas zaman Rasulullah s.a.w. dan juga para sahabat, telah banyak diresapi oleh unsur-unsur falsafah Yunani. Hal yang sedemikian berlaku apabila benteng pertahanan umat Islam tersebut cuba diganggu-gugat oleh ahli-ahli falsafah yang cuba menghuru-harakan perpaduan umat Islam. Atas alasan untuk menolak pendapat-pendapat ahli falsafah tersebut, para ulama telah memasukkan ilmu falsafah di dalam penulisan mereka dan kemudiannya dijawab mengikut cara ahli falsafah itu.

Setelah lama masa berlalu banyak buku-buku akidah yang dikarang bagi mematahkan hujah-hujah ahli falsafah digunakan oleh orang-orang Islam dalam mempelajari ilmu tersebut. Ada antara orang Islam yang terpengaruh dengan ilmu falsafah yang beranggapan bahawa ilmu yang dipelajari tidak hanya difahamkan secara zahir sahaja malah ianya mempunyai beberapa inti sari yang dalam. Percampuran yang berlaku di antara ilmu akidah dan ilmu falsafah telah membawa kepada kekeliruan sehingga tidak dapat dibezakan antara ilmu-ilmu tersebut, terutamanya di dalam persoalan akhirat. Untuk mengatasi kekeliruan tersebut, para ulama telah mengadakan panduan-panduan tertentu supaya orang Islam tidak terpengaruh dengan ilmu-ilmu dan cara-cara yang dilakukan oleh ahli falsafah dalam membahaskan perkara akidah.

Sifat Dua Puluh merupakan salah satu panduan yang cuba diketengahkan oleh Imam al-Sanūsī pada kurun ke-9 hijrah di dalam persoalan sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT. Perbincangan mengenai Sifat 20 lahir di dalam ilmu Kalam. Oleh kerana itu corak perbincangannya tidak terlepas daripada cara-cara yang dilakukan oleh para *mutakalimūn*.

Dua puluh sifat yang wajib bagi Allah SWT., yang dibincangkan di dalamnya merupakan sebahagian daripada sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah yang tidak terhitung banyaknya. Ini berdasarkan kepada tulisan Imam al-Sanusi di dalam kitab *Umm al-Barāhīm*.

فَمَا يَجِبُ لِمَوْلَانِ جَلَّ وَعَزَّ عَشْرُونَ صِفَةً

maksudnya:

*Maka di antara yang wajib bagi Allah s.w.t. Dua Puluh Sifat.*

Imam al-Sanusi mentafsirkan perkataan *min* di dalam *mim-mā* itu dengan maksud sebahagian, yang membawa erti di antara sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT. ada dua puluh sifat<sup>1</sup>. Imam al-Dasūqī ketika menghuraikan lagi apa yang telah ditafsirkan oleh Imam al-Sanūsī menyebut bahawa, dua puluh sifat tersebut wajib kita mengetahuinya secara *tafsīl* (satu persatu) kerana terdapat dalil mengenainya dan yang selain daripada tersebut kita hanya wajib mengetahuinya secara ringkas (*ijmal*) kerana tidak terdapat tanda-tanda yang menunjukkan satu persatu<sup>2</sup>.

<sup>1</sup> Abī 'Abd Allah Muḥammad Yusuf al-Sanūsī (t.t), *Syarḥ Um al-Barāhīm*, dicetak bersama dengan Muḥammad al-Dasūqī (t.t), *Hāshiyah 'Alā Syarḥ Um al-Barāhīm*. Qāhirah: Dār Iḥya al-Kutub al-'Arabiyah, h. 72.

<sup>2</sup> Muḥammad al-Dasūqī (t.t), *Hāshiyah 'Alā Syarḥ Um al-Barāhīm*. Qāhirah: Dār Iḥya al-Kutub al-'Arabiyah, h. 72.

Sebahagian besar daripada sifat-sifat yang dibincangkan di dalam Sifat Dua Puluh diisbatkan dengan berpandukan kepada dalil-dalil 'aqli<sup>3</sup>, hanya sifat *al-Sam'*, *al-Baṣar* dan *al-Kalam* sahaja diambil berpandukan kepada dalil *naqli*.<sup>3</sup> Oleh kerana itu kebanyakan perbincangan yang dilakukan terhadap sifat-sifat tersebut menyerupai cara perbincangan yang dilakukan oleh para *mutakalimūn* iaitu mereka mengisbatkan '*akīdatul al-dīmīyah* dengan cara menggunakan akal fikiran.

### 3.2 PEMBAHAGIAN SIFAT DUA PULUH.

Daripada dua puluh sifat yang wajib bagi Allah SWT. yang dibincangkan di dalam Sifat Dua Puluh dibahagikan pula kepada empat bahagian, iaitu sifat *nafsiyyah*, *salbiyyah*, *ma'ānī* dan *ma'awiyah*.

#### 3.2.1 Sifat *Nafsiyyah*.

Terdapat beberapa pengertian yang dinyatakan oleh para ulama dalam memperkatakan mengenai sifat *nafsiyyah*. Antaranya pengertian yang dinyatakan oleh al-Bayjūrī iaitu sifat yang *thubūt* menunjukkan kepada diri *zat* itu sendiri tanpa memerlukan *ma'nā* yang *zā'id* padanya<sup>4</sup>. Sifat ini dinamakan *nafsiyyah* kerana tidak menunjukkan makna yang menumpang pada diri *zat*, tetapi menunjukkan kepada diri *zat* itu sendiri<sup>5</sup>. Pengertian ini telah mengeluarkan

---

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Ibrāhīm Ibn Muḥammad al-Bayjūrī (t.t), *Tulfat al-Murīd*. Qāhīrah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, h. 54.

<sup>5</sup> Muhammad Isa Selamat (1997), *Sifat 20: Sifat-sifat Allah dan Mentauhidkan Diri KepadaNya*. Kuala Lumpur: Darul Numan, h. 109



daripada sifat *nafsiyyah* itu, sifat-sifat *ma'ānī* dan *ma'nawiyah* kerana sifat-sifat ini menunjukkan kepada *ma'nā* yang *zā'id* pada diri *zat*.

Manakala bagi para ulama yang mengisbatkan *ḥal* di dalam perbincangan mengenai sifat, mereka mentakrifkan sifat *nafsiyyah* sebagai hal keadaan yang wajib bagi *zat* Allah dengan tidak dikeranakan oleh sesuatu kerana. Perkataan tidak dikeranakan dengan sesuatu kerana telah mengeluarkan daripada sifat *nafsiyyah* itu, *ḥal-ḥal ma'nawiyah* kerana *ḥal ma'nawiyah* itu dikeranakan dengan sifat *ma'ānī*. Sifat *ma'ānī* juga terkeluar daripada pengertian ini kerana sifat *ma'ānī* bukan daripada *ḥal* bahkan ianya sifat yang *maujūd* dan berdiri dengan *zat*<sup>6</sup>. Sifat ini dikatakan sebagai hal yang wajib bagi *zat* Allah SWT., kerana tidak akan dikenali dan diketahui *zat* Allah SWT. melainkan dengan adanya sifat *nafsiyyah*

Sifat *nafsiyyah* juga diertikan sebagai sifat yang *maujūd* pada *dhihin* dan tidak pada *khārijī*<sup>7</sup>. Yang dimaksudkan dengan pengertian tersebut ialah dinisbahkan *maujūd* pada mata hati dan pada akal fikiran tetapi tidak pada mata kasar walaupun dibuka oleh Allah SWT hijab yang wujud di antara kita dan sifat tersebut.<sup>8</sup>

Terdapat juga di kalangan sebahagian *pentahqīq* yang berpendapat bahawa sifat *nafsiyyah* ini tidak boleh diberikan pengertian kerana jika ianya diertikan,

<sup>6</sup> al-Sanūsī (t.t), *op.cit*, h. 94.

<sup>7</sup> Abd Ghani Yahya dan Omar Yusof (t.t), *Risalah Tauhid*. Johor: Ahmadiyah Press, h. 43.

<sup>8</sup> Noraine Abu (1999), *Sifat 20: ke Arah Memahami Aqidah Ahl Sunnah Wal-Jamaah*: Selangor: Pustaka Ilmi, h. 80.

ianya akan membawa kepada pentakrifan ke atas *zat* itu sendiri yang sama sekali mustahil dilakukan oleh manusia.<sup>9</sup>

Sifat yang terkandung di dalam pembahagian sifat *nafsiyyah* itu hanya satu sifat sahaja iaitu sifat *al-Wujūd*.

### 3.2.2 Sifat *Salbiyyah*.

*Salbiyyah* bermaksud penafian, kerana sifat ini menafikan atau menolak perkara-perkara yang tidak patut dan tidak layak bagi *zat* Allah dan sifat-sifat Nya<sup>10</sup>. Sesetengah kitab yang ditulis pada zaman sebelum timbulnya perbincangan mengenai sifat Dua Puluh secara terperinci, sifat *Salbiyyah* dikenali sebagai sifat *tanzīhat*<sup>11</sup>.

Sifat-sifat yang termasuk di dalam pembahagian sifat *Salbiyyah* ada lima sifat, iaitu sifat *Qidam*, *Baqā*, *Mukhālafatuuhu Ta'ālā Li al-Hawādith*, *Qiyāmuhu Ta'ālā Bi Nafsih* dan *Waḥdaniyyah*. Walaupun sifat-sifat yang tidak layak bagi Allah itu banyak, namun lima sifat yang dibincangkan di dalam sifat *Salbiyyah* tersebut sudah mencakupi kesemua sifat-sifat *salbiyyah* yang tidak dibincangkan di dalam sifat Dua Puluh secara *iltizām*. Lima sifat yang dibincangkan tersebut dianggap sebagai asas bagi keseluruhan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT. yang lain<sup>12</sup>.

---

<sup>9</sup> Mudasir Rosder (1989), *Asas Tauhid: Pertumbuhan dan Huraianannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 67.

<sup>10</sup> al-Dasūqī (t.t), *op.cit.*, h. 76.

<sup>11</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 88

<sup>12</sup> al-Bayjūrī (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. 58.

### 3.2.3 Sifat *Ma'ānī*.

Di dalam pembahagian sifat Dua Puluh, sifat yang menjadi perdebatan hangat di kalangan ahli kalam ialah sifat *ma'ānī*. Ahli kalam tidak sependapat dalam mengisbatkan sifat-sifat tersebut hingga ada antara mereka yang menafikan kewujudan sifat-sifat *ma'ānī* bagi Allah SWT. Golongan yang menafikan wujudnya sifat-sifat tersebut pada *zat* Allah SWT., terdiri daripada golongan *Mu'tazilah*, ahli Falsafah dan mereka yang sependapat dengannya. Namun begitu penafian tersebut ditafsirkan dalam skop yang pelbagai di antara mereka<sup>13</sup>.

Bagi golongan yang mengisbatkan sifat pada *zat* Allah SWT. yang terdiri daripada golongan al-'Asyā'irah dan mereka yang sependapat dengannya mengemukakan pengertian sifat *ma'ānī* bagi segala yang *maujud* itu sebagai suatu sifat yang *maujud*, sama ada ianya baharu atau *qadim*<sup>14</sup>. Maksudnya, segala sifat-sifat yang terdapat pada sesuatu. Bagi penggunaannya pada Yang *Qadim* ianya membawa pengertian sebagai ibarat sifat yang berdiri dengan *mawṣūf* dan wajib baginya segala hukum. Pengertian ini dikemukakan oleh mereka yang menafikan *ḥal* di dalam perbincangan sifat-sifat Allah SWT.<sup>15</sup>

Manakala bagi mereka yang mengisbatkan *ḥal* pula mentakrifkan sebagai *ma'nā-ma'nā* yang mewajibkan adanya *ḥal*. Ianya terdiri daripada sifat yang *maujud* pada *dhihin* dan *khārijī*<sup>16</sup>, iaitu sifat yang dinisbahkan ada pada mata hati

<sup>13</sup> Sa'd al-Din al-Mas'ūd al-Taftāzānī (1277H), *Syarḥ Maqāsid al-Tālibīn Fī 'ilm Uṣul al-Dīn*, j. 2. Qāhirah: Dār al-Tiba'ah al-Amirah, h. 54.

<sup>14</sup> Abī 'Abd Allah Muḥammad Yusuf al-Sanūsī (t.t), *Syarḥ Umm al-Barāhīn*, h. 97.

<sup>15</sup> Mudāsir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 72.

<sup>16</sup> Zainal Abidin bin Mohammad al- Patani (t.t), *'Aqidah al-Najin*, Pulau Pinang, Percetakan Al-Muarif, h. 35

dan akal fikiran dan sifat tersebut dapat dilihat oleh mata kasar sekiranya Allah SWT. membuka hijab di antara kita dan sifat-sifat tersebut. Ianya berbeza dengan sifat *nafsiyyah* dan sifat *ma'nawiyyah* yang hanya wujud pada *dhihin* dan juga berbeza dengan sifat *Salbiyyah* yang tidak *maujūd* pada kedua-duanya<sup>17</sup>.

Sifat-sifat yang terkandung di dalam pembahagian sifat *ma'ānī* ada tujuh sifat iaitu sifat *Qudrah, Irādah, 'Ilm, Ḥayāh, Sam', Baṣar* dan *Kalām*.

### 3.2.4 Sifat *Ma'nawiyyah*.

Perbahasan sifat *ma'nawiyyah* merupakan cabang dari perbahasan sifat *ma'ānī* dan hubungan di antara kedua-dua sifat ini adalah sebagai '*illah* dan *ma'lūl* di mana sifat *ma'nawiyyah* merupakan *ma'lūl* kepada sifat *ma'ānī* yang bermakna wujudnya sifat *ma'nawiyyah* bergantung dengan wujudnya sifat *ma'ānī*<sup>18</sup>.

Pengertian sifat *ma'nawiyyah* ialah hal keadaan yang wajib bagi *zat* yang dikeranakan dengan sesuatu kerana, iaitu dengan *ma'nā* yang berdiri dengan *zat*. Sifat *ma'nawiyyah* ini sama juga dengan sifat *nafsiyyah* iaitu *maujūd* pada *zihin* tetapi tidak pada *khārijī* cuma berbezanya sifat *nafsiyyah* itu *maujudnya* tidak dikeranakan dengan sesuatu kerana<sup>19</sup>.

Dalam membicarakan sifat *ma'nawiyyah*, timbul dua persoalan utama yang dibincangkan oleh para ulama iaitu dalam menentukan sama ada sifat

<sup>17</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 82.

<sup>18</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 73.

<sup>19</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 83.

*ma'nawiyah* ini sebagai suatu sifat atau sebaliknya. Bagi mereka yang menganggap sifat *ma'nawiyah* sebagai sifat, mereka berselisih pendapat dalam menentukan bahawa Allah SWT. bersifat dengan sifat-sifat tersebut dengan *zat*Nya atau ia sebagai sifat yang *zā'id* padanya.

Dalam persoalan yang pertama para ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* berselisih pendapat dalam menentukan sama ada sifat *ma'nawiyah* itu sebagai satu sifat atau sebaliknya. Hal ini timbul kerana para ulama tidak sependapat dalam mengisbatkan *al-ḥal* di dalam sesuatu perkara. Bagi golongan yang menafikan kewujudan *al-ḥal* seperti Imam al-Asy'arī dan kebanyakan ahli *pentahqīq* menafikan kewujudan perkara tersebut. Oleh itu mereka berpendapat bahawa segala sifat *ma'nawiyah* itu hanyalah sebagai *amr al-i'tibārī*. Mereka mengisbatkan sifat-sifat kesempurnaan pada Allah SWT. tetapi menolak sifat yang melazimkan sifat-sifat yang lain iaitu sifat *ma'nawiyah*<sup>20</sup>. Namun begitu perlu diingat bahawa mereka tidak menafikan Allah SWT. itu *Qādir*, *'Ālim* dan sebagainya, hanya yang mereka nafikan ialah sifat-sifat tersebut sebagai sifat yang *zā'id* bagi *zat* Allah SWT.<sup>21</sup> dan mereka akui bahawa Allah itu *Qādir*, *'Ālim* dan sebagainya dengan *zat* bukan bermakna sifat-sifat tersebut wujud di alam kenyataan.<sup>22</sup>

Bagi golongan yang mengisbatkan *Ḥal*, iaitu sesuatu yang tidak *maujūd* dan tidak *ma'dūm* mereka mengisbatkan sifat *ma'nawiyah* sebagai hal yang tetap bagi *zat* selagi mana *zat* itu di'*illah*kan dengan sesuatu '*illah*. Mereka terdiri

<sup>20</sup> Al-Sanūsī (t.t), *op.cit.*, h. 119.

<sup>21</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 74.

<sup>22</sup> *Ibid.*

daripada Imam al-Rāzī, al-Bāqillānī, Imam al-Ḥarāmīn, sesetengah daripada al-Māturīdīyah dan setengah daripada al-Mu‘tazilah.<sup>23</sup>

Dalam persoalan yang kedua, perselisihan pendapat wujud di antara golongan yang mengisbatkan sifat *ma‘nawīyah*, dalam menentukan sama ada Allah SWT. bersifat dengan sifat-sifat tersebut, dengan dirinya atau sifat yang *zā‘id* baginya. Bagi golongan yang menafikan sifat yang *zā‘id* bagi Allah SWT. seperti al-Mu‘tazilah mereka beranggapan bahawa Allah SWT. *Qādir*. *‘Ālim* dan sebagainya itu adalah dengan dirinya dan bukan sifat yang *zā‘id* baginya. Sebaliknya ‘Asyā‘irah pula berpendapat bahawa Allah SWT. itu *‘Ālim*, *Qādir* dan sebagainya itu adalah dengan sifat yang *zā‘id* bagiNya.<sup>24</sup>

### 3.3 SIFAT DUA PULUH SECARA TERPERINCI

Sebagaimana namanya, maka sifat-sifat Allah SWT. yang dibincangkan di dalamnya juga ialah 20 sifat. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini sifat-sifat tersebut hanyalah sebahagian daripada sifat-sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah SWT. Sifat-sifat tersebut ialah;

---

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.* h. 75

### 3.3.1 *Al-Wujūd*.

#### a) Pengertian.

Iman al-Dasūqī mentakrifkan *al-Wujūd* itu sebagai ada dan tetap di alam kenyataan<sup>25</sup>. Ianya merupakan lafaz yang *mushtarak*, iaitu lafaz yang berkongsi penggunaannya<sup>26</sup>. Bagi membezakan penggunaannya, ahli falsafah telah membahagikannya kepada *wujūd al-zatī* dan *wujūd* bukan *al-zatī*<sup>27</sup>.

Yang dikehendaki dengan sifat wujud bagi Allah itu ialah *wujūd al-zatī*. Iaitu adanya Allah SWT. kerana *zat*Nya bukan kerana sebab lain<sup>28</sup>. Maka terkeluarlah daripada takrif ini ada yang '*arad* iaitu ada yang sebelumnya tiada atau ada yang *majzā'i*. Dengan erti ada Allah itu bukan ada yang menjadikan-Nya dan bukan ia menjadikan diri-Nya sendiri dan adanya tidak berubah, tidak mati, tidak hilang dan adanya tidak di dahului dengan tiada dan tidak di akhiri dengan tiada.<sup>29</sup>

#### b) Dalil

*Al-Qur'ān* dan Hadis Rasulullah s.a.w. tidak mendalilkan secara jelas melalui perkataan *al-Wujūd* sebagai dalil Allah SWT. bersifat dengannya. Namun perbincangan *al-Wujūd* sebagai sebahagian sifat wajib bagi Allah adalah berdalil kepada baharunya alam<sup>30</sup>. Inilah dalil yang biasa digunakan oleh ulama Kalam, khususnya di dalam perbincangan Sifat Dua Puluh dalam mengisbatkan wujudnya

<sup>25</sup> al-Dasūqī (t.t), *op.cit.*, h. 74.

<sup>26</sup> *Ibid*

<sup>27</sup> al-Bayjūrī (t.t), *Tulfat al-Murīd*, h. 52.

<sup>28</sup> Ahmad bin Muhammad Zin bin Mustafa bin Muhammad al-Patani, (t.t), *Faridah al-Fara'aid Fi 'Im al-'Aqa'id*, Pulau Pinang, Percetakan al-Ma'arif, h. 5

<sup>29</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 38.

<sup>30</sup> al-Faḍālī, Muḥammad Ibn al-Shāfi'i (1949), *Kifāyat al-'Awwām FimāYajib 'Alayhim Min 'Im al-Kalām*. Qāhirah : Maktabah Muṣṭahā al-Bābi al-Ḥalabī, h. 29-30.

Allah SWT. Mengapa baharunya alam menjadi sebab kepada adanya Allah SWT.?. Persoalan ini diterangkan dengan alasan bahawa alam ini tidak wujud dengan sendirinya tanpa ada yang menjadikannya. Yang menjadikannya mestilah dahulu daripadanya. Maka yang mengadakan alam ini mestilah bersifat dengan ada, dan adanya tidak menerima tiada sekali-kali. Jika ia menerima tiada maka ia berhajat kepada yang mengadakannya.

### 3.3.2 *Al-Qidam*.

#### a) Pengertian.

*Qidam* bererti tiada permulaan atau sedia, iaitu tiada permulaan bagi wujudnya Allah SWT.<sup>31</sup> Wujudnya Allah SWT. tidak didahului oleh 'adam (tiada). Sifat ini tergolong dalam sifat *Salbiyyah* kerana menafikan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT. iaitu sifat tiada yang mendahului wujud Nya Allah SWT<sup>32</sup>

#### b) Dalil

*Al-Qur'an* dan Hadis Rasulullah s.a.w. tidak menjelaskan secara langsung bahawa Allah SWT. bersifat dengan sifat *Qidam*, namun ianya dapat difahami dari firman Allah SWT.<sup>33</sup>

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ

Maksudnya:

*Dia lah Yang Awal dan Yang Akhir*

<sup>31</sup> al-Bayjūrī (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. 32.

<sup>32</sup> *Ibid*, h. 33.

<sup>33</sup> Sūrah al-Hadīd: 3



Dalil yang biasa digunakan oleh ulama Kalam dalam mengisbatkan sifat ini ialah dengan menggunakan dalil *'aqal*, iaitu jikalau adanya permulaan bagi Allah SWT. atau wujudNya didahului dengan tiada (*'adam*) nescaya ia akan jadi baharu dan tiap-tiap yang baharu tidak terkecuali dari berhajat kepada yang membaharuinya dan yang membaharuinya itu juga berhajat kepada yang membaharuinya. Keadaan seperti ini dikatakan *dawr* atau membawa kepada *tasalsul* yang kedua-duanya adalah mustahil bagi Allah SWT. membawa kepada tiada wujud bagi segala yang baharu.<sup>34</sup>

### 3.3.3. *Baqā'*.

#### a) Pengertian

Ulama-ulama mentakrifkan *Baqā'* dengan takrif yang pelbagai. Namun ianya dapat disimpulkan sebagai tidak ada kesudahan bagi wujud Allah SWT.,<sup>35</sup> di mana wujudNya tidak menerima kedatangan *'adam*.

#### b) Dalil

Memandangkan *al-Qur'ān* dan Hadis Rasulullah s.a.w. tidak menyatakan secara jelas bahawa Allah SWT. itu bersifat dengan sifat *Baqā'* maka kebanyakan ulama Kalam lebih cenderung berdalil dengan akal dalam mengisbatkan sifat *Baqā'* sebagai sebahagian dari sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT. Ulama Kalam membawa dalil bahawa sesuatu yang menerima baginya "tiada" akan hilang darinya *Qidam*, kerana sesuatu yang boleh diikuti oleh "tiada" maka jadilah

---

<sup>34</sup> Abdul Rahman Rukaini (2001), *Siri Teras 'Ulum Islamiah: Tauhid Benteng Penyelamat Ummah*, Selangor: Synergymate Sdn Bhd, h. 48

<sup>35</sup> Al-Syaikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badwi al-Sambawi (t.t), *Siraj al-Huda*, Pulau Pinang: Percetakan Al-Muarif Sdn Bhd, h.10

wujudnya harus, maka akan jadilah ianya itu baharu<sup>36</sup>. Setiap yang baharu berkehendakkan kepada yang membaharui dan seterusnya akan membawa kepada *dawr* atau *tasalsul*.

### 3.3.4. *Mukhālafatuhu Ta'ālā Li al-Hawādith*

#### a) Pengertian.

*Mukhalafatuhu Ta'ala Li al-Hawadith* bermaksud bersalahan Allah SWT. dengan segala yang baharu ia bermaksud bahawa Allah SWT. tiada mempunyai persamaan dengan yang baharu secara mutlak sama ada pada *zat*, sifat, perkataannya<sup>37</sup> dan segala sesuatu yang terlintas di fikiran seseorang maka Allah SWT. bersalahan dengannya kerana akal fikiran manusia yang tidak mampu memikirkan hakikat Allah SWT. kecuali apa yang diberitahu oleh Allah SWT. dan RasulNya sahaja. Sesuatu yang baharu terdiri daripada *jauhar* dan *'arad*<sup>38</sup> yang mempunyai sifat-sifat seperti berjisim, berjirim, berjīhah, bermasa dan sebagainya yang mana sifat-sifat tersebut mustahil bagi Allah SWT. bersifat dengannya.

#### b) Dalil

Sifat *Mukhalafatuhu Ta'ala Li al-Hawadith* dengan *Naş* yang jelas bagi sifat ini tidak terdapat di dalam *al-Qur'ān* dan hadis Rasulullah s.a.w. secara jelas, malah ianya juga tidak terdapat di dalam kitab-kitab yang terdahulu daripada kitab-kitab yang mempopularkan sifat ini. Apa yang terdapat di dalam *al-Qur'ān*

<sup>36</sup> Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 37.

<sup>37</sup> al-Dasūqī (t.t), *op.cit.*, h. 83.

<sup>38</sup> Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 37

yang boleh dikaitkan dengan sifat ini ialah firman Allah SWT.<sup>39</sup> yang membawa erti sifat ini.

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya:

*Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*

Para ulama Kalam membawakan dalil yang berpandukan kepada dalil 'aqal dalam mengisbatkan sifat ini dengan mengatakan bahawa, kalaulah Allah SWT. menyerupai sesuatu yang baharu, nescaya Allah SWT. akan menjadi baharu dan berhajat kepada yang membaharuinya. Yang membaharuinya pula akan berhajat kepada yang membaharuinya lagi dan seterusnya hingga kepada *tasalsul* dan *dawr* yang kedua-duanya adalah mustahil bagi hukum Allah SWT.<sup>40</sup>

### 3.3.5. *Qiyāmuhu Ta'ālā Bi Nafsih*

a) Pengertian.

*Qiyāmuhu Ta'ālā Bi Nafsih* bermaksud berdiri Allah SWT. dengan sendirinya.

Ianya bukanlah bermaksud tegak pendirianNya atau bangun berdiri dengan sendirinya, tidak ada orang yang mengangkat atau menolongnya sebagaimana yang kita fahami daripada zahir maknanya, tetapi yang dimaksudkan dengannya ialah Allah SWT. tidak berkehendak kepada *Zat* yang lain (*maḥal*), berdiri ia dengannya dan juga tidak berkehendak kepada *fā'il* yang menentukannya iaitu *al-*

<sup>39</sup>Sūrah al-Syūrah: 11

<sup>40</sup>Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 38.

*mukhaṣṣiṣ*.<sup>41</sup> Yang dimaksudkan dengan *al-mukhaṣṣiṣ* ialah yang menjadikan (*al-Mūjid*)

Dapat difahamkan daripada makna bahawa ia tidak berkehendak kepada *zat* yang lain yang berdiri ia dengannya ialah jikalau berkehendak kepada *zat* yang lain nescaya Allah SWT. itu adalah sifat, kerana tidak berkehendak kepada *zat* kecuali sifat seperti menumpang warna pada *zat* kain. Jikalau ianya sifat, maka tidak bersifat ia dengan sifat-sifat *ma'āni*<sup>42</sup> dan *ma'nawiyah*. Manakala maksud Allah SWT. tidak berkehendak kepada *al-Mukhaṣṣiṣ* ialah tidak berhajat Allah SWT. kepada yang menjadikannya kerana Allah lah yang menjadikan segala sesuatu.<sup>42</sup>

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada beberapa takrif yang dikemukakan oleh para ulama mengenai sifat *Qiyāmuḥu Ta'ālā Bi Nafsih* ialah tidak berhajat Allah SWT. kepada *zat* dan penentu, bahkan selain daripadanya berhajat kepadanya untuk menentukan kewujudannya.<sup>43</sup>

## b) Dalil

Dalil bahawa Allah SWT. bersifat dengan sifat *Qiyāmuḥu Ta'ālā Bi Nafsih* tidak terdapat di dalam *al-Qur'ān* dan Hadis Rasulullah s.a.w. Apa yang dinyatakan di dalam *al-Qur'ān* hanyalah sifat yang mengandungi makna yang sama dengan sifat ini. Lafaz tersebut ialah *al-Qayyūm* dan *al-Ghanī*<sup>44</sup> di dalam firman Allah SWT.<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 39.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> Sūrah al-Baqarah: 255

## اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Maksudnya:

*Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya).*

﴿يَتَأْتِيهَا النَّاسُ أَنْتُمْ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ﴾

Maksudnya:

*(Oleh kerana Allah menguasai segala-galanya, maka) wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah Dia lah sahaja Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*

Kebanyakan ulama mendatangkan dalil dalam bentuk 'aqli dengan mengemukakan logiknya, jika Allah SWT. tidak berdiri dengan sendirinya sudah tentu Allah SWT. berkehendak kepada *zat*, jika hal yang sedemikian berlaku, nescaya Allah SWT. itu sifat. Ini adalah mustahil pada akal kerana jika Allah SWT. itu sifat sudah tentu Ianya tidak bersifat dengan sekalian sifat-sifat kesempurnaan kerana sifat tidak boleh menumpang pada sifat, melainkan pada *zat* juga.<sup>45</sup> Sebaliknya Allah SWT. tidak berkehendak kepada *zat* yang lain dan juga kepada yang menjadikanNya.

### 3.3.6. *Al-Wahdāniyyah.*

#### a) Pengertian

*al-Wahdāniyyah* merupakan sifat yang kelima daripada pembahagian sifat *Salbiyyah* yang membawa maksud esa. Ianya merupakan ibarat dari menafikan

<sup>45</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 95.

berbilang-bilang pada *zat*, sifat dan *af'al*Nya<sup>46</sup>. *Zat* Allah SWT. tidak menyerupai *zat* yang dimiliki oleh makhluk, ianya tidak tersusun daripada jujuk-jujuk seperti *zat* makhluk. SifatNya juga tidak menyerupai sifat yang dimiliki oleh makhluk, tidak ada *Qudrah* yang sama dengan *Qudrah* Allah SWT. dan tidak ada *irādah* yang sama dengan *Irādah* Allah SWT. Begitu juga pada *af'al*Nya. *Afal* Allah SWT. adalah khas padaNya sahaja. Tidak ada satu makhluk pun yang mempunyai perbuatan dengan erti kata yang sebenarnya, apa yang dilakukan oleh makhluk itu hanyalah usaha semata-mata.

Imam al-Sanūsī di dalam kitabnya yang mula-mula sekali menyentuh mengenai sifat Dua Puluh iaitu *Umm al-Barāhīn* telah membincangkan tentang pembahagian yang dilakukan oleh para ulama terhadap sifat *al-Wahdāniyyah*. Sesetengah dari para ulama membahagikannya kepada tiga bahagian. Pertama, menafikan *al-kam al-muttaṣil* pada *zat* iaitu menafikan *zat* Allah dari tersusun, sama ada tersusun *hakīkī* atau *ma'nawī*. Kedua, menafikan *al-kam al-munfaṣil* pada *zat* dan sifatnya, iaitu menafikan *zat* dan sifatNya dari berbilang-bilang dari segi bilangannya. Ketiga, tersendiri Allah SWT. menjadikan dan mentadbirkan alam dengan tidak ada perantaraan dan *mu'alajah*, tidak ada yang memberi kesan selain daripadanya<sup>47</sup>. Namun ada antara ulama yang membahagikan sifat *al-Wahdāniyyah* kepada lima bahagian iaitu, pertama, menafikan *al-kam al-muttaṣil* pada *zat*, iaitu *zat* Allah tidak tersusun daripada jujuk-jujuk. Kedua, menafikan *al-kam al-munfaṣil* pada *zat*, iaitu tidak ada *zat* yang menyerupai *zat* Allah SWT. dan tidak ada *zat* yang boleh menyerupai dengan *zat* Allah SWT. ketiga,

---

<sup>46</sup> Imām al-Ḥaramayn, 'Abd al-Mālik Ibn Aḥmad al-Juwaynī (1969), *al-Syāmil Fī Uṣūl al-Dīn*, Tahqīq Fayṣal Badīr 'Awn, Suhīr Muḥammad Mukhtār. Iskandariyyah: Mansha'ah al-Ma'ārif, h. 345.

<sup>47</sup> Al-Sanūsī (t.t), *op.cit.*, h. 91.

menafikan *al-kam al-muttaṣil* pada sifat, iaitu tidak ada dua sifat yang sama pada nama dan makna seperti dua *Qudarah* dan sebagainya. Keempat, menafikan *al-kam al-munfaṣil* pada sifat iaitu tidak ada sifat yang menyerupai dengan sifat-sifat Allah SWT. Kelima, menafikan *al-kam al-munfaṣil* pada perbuatan-perbuatan yang bermaksud tidak ada suatu makhluk yang menyerupai perbuatan Allah SWT. kerana Allah yang menjadikan perbuatan makhluknya<sup>48</sup>.

## b) Dalil

Para ulama menggunakan pelbagai cara dalam menyatakan dalil bahawa Allah SWT. bersifat dengan *al-Waḥdāniyyah*. Ada yang lebih cenderung menggunakan akal yang disokong oleh dalil-dalil *naqal* dan ada juga yang cenderung untuk menggunakan akal semata-mata berdasarkan bahawa keesaan Allah SWT. merupakan perkara fitrah setiap manusia. Imam al-Sanūsī yang merupakan pencetus kepada perbincangan sifat 20 menggunakan dalil '*aqli* dalam mendalilkan sifat *al-Waḥdāniyyah*. Kebanyakan penulisan buku-buku Tauhid juga menggunakan dalil yang sama, berdasarkan dalil '*aqli* walaupun berbeza dari gaya bahasanya dalam mengisbatkan sifat tersebut, dalil yang dibawa adalah berdasarkan kepada adanya alam ini, Jika Allah SWT. itu berbilang yang ada kalanya bekerjasama dan ada kalanya tidak bekerjasama, misalnya bekerjasama dalam menjadikan alam ini, Tuhan pertama menjadikan bumi dan yang kedua menjadikan langit, maka sekiranya begitu, menunjukkan lemahnya Tuhan yang terpaksa bertolongan di antara satu sama lain. Jika tidak bekerjasama maka di waktu itu ada yang lemah dan ada yang berkuasa. Maka mustahillah Allah itu berbilang-bilang.<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup> *Ibid*, h. 92.

<sup>49</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 48.

### 3.3.7 *Qudrah*

#### a) Pengertian

Dari segi bahasa, *Qudrah* bermaksud kuat dan berupaya (*Quwwah wa al-Istiṭā'ah*)<sup>50</sup>. Dari segi istilah pula, para ulama mentakwilkannya dengan pelbagai pengertian yang dapat disimpulkan sebagai sifat *wujūdiyyah* azali dan berdiri dengan zat Allah SWT. Dengan sifat tersebut Allah SWT. boleh mengadakan sesuatu dan meninggalkan sesuatu mengikut persesuaian dengan *Irādah*Nya<sup>51</sup>. *Qudrah* yang dipunyai oleh Allah SWT. merupakan *Qudrah* yang mutlak milikNya<sup>52</sup>.

#### b) Dalil

Perkataan *al-Qudrah* tidak terdapat di dalam *al-Qur'ān* bagi membuktikan bahawa Allah SWT. bersifat dengannya. Namun ianya boleh didapati di dalam *al-Qur'ān* daripada nama-namaNya iaitu *Qādir* sebagaimana firmanNya<sup>53</sup>

وَقَالُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِّن رَّبِّهِ قُلْ إِنَّ اللَّهَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَنْ يُنَزِّلَ آيَةً  
وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Allah berkuasa menurunkan mukjizat", akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (balasan yang akan menimpa mereka kalau mereka enggan beriman).*

<sup>50</sup> Ibrāhīm Ibn Muḥammad al-Bayjūrī, *Ḥāshiyah Taḥqīq al-Maqām*. Qāhirah : Maktabah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, h. 46.

<sup>51</sup> Mudasar Rosder (1989), *op.cit.*, h. 106.

<sup>52</sup> Muhammad Isa Selamat (1997), *op.cit.*, h. 130.

<sup>53</sup> Sūrah al-An'aam: 37



Para Ulama tidak membezakan *al-Qādir* dengan sifat *Qudrah* atau Allah SWT. itu *Qādir* kerana dari segi pengisbatannya adalah tidak berbeza, hanya yang berbeza ialah dari segi pembahagiannya sahaja iaitu *Qudrah* kepada sifat *ma'ānī* dan *Qādir* kepada sifat *ma'nawiyah*. Bagi mereka yang menafikan *al-Ḥal*, mereka berpendapat bahawa Allah itu *Qādir* adalah tidak dimasukkan dalam persoalan sifat tetapi hanya diibaratkan sebagai berdiri *Qudrah* dengan *zat*, bukan sebagai satu sifat yang *thubut* yang di luar dari fikiran<sup>54</sup>.

Manakala dalil secara logik *manṭiqi* pula, sebagaimana yang diberikan oleh al-Baijūrī di dalam kitabnya *tuhfat al-Murīd*, beliau mendalilkan bahawa Allah SWT. adalah pencipta yang *Qadim*, bagiNya ciptaan yang baharu, setiap yang diciptakanNya itu wajib baginya *Qudrah*, maka wajib bagi Allah SWT. bersifat dengan *Qudrah*.<sup>55</sup>

### 3.3.8 *Irādah*

#### a) Pengertian

Pada bahasa *Irādah* membawa erti berkehendak, dari segi istilah pula, para *mutakalimūn* menyimpulkannya sebagai sifat yang *Qadim*, yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. Dengan sifat ini Allah SWT. menentukan setiap yang *mumkin* yang harus kepada sesuatu<sup>56</sup>. Yang dimaksudkan dengan *al-mumkin* itu ialah *al-mutaghābilā* yang enam iaitu wujud, tiada, masa, tempat, *jīḥah*, dan kadar.<sup>57</sup>

<sup>54</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 107.

<sup>55</sup> al-Baijūrī (t.t), *Tuhfat al-Murīd*, h. 65.

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> *Ibid.*

Hubungan di antara sifat *Irādah* dan sifat *Qudrah* dapat dilihat sebagai sifat *Qudrah* itu, mengadakan sesuatu perkara yang pada asalnya tiada manakala sifat *Irādah* pula menentukan sesuatu itu mempunyai sifat pendek, panjang dan seumpamanya<sup>58</sup>.

b) Dalil.

Penggunaan perkataan *Irādah* untuk Allah SWT. tidak terdapat di dalam *al-Qur'ān* dan juga Hadis Rasulullah s.a.w. Hanya apa yang boleh didapati ialah bunyinya dengan kata terbitan darinya, sama ada yang menggunakan kata perbuatan dan sebagainya, sebagaimana firman Allah SWT.<sup>59</sup>

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ وَيَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ

maksudnya:

*Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam;*

Dalil secara *manṭiq* atau dalil 'aql digunakan bagi mengisbatkan sifat *Irādah*. Imam Baqīllānī menyifatkan bahawa Allah SWT. bersifat dengan *Irādah* berdalil kepada ciptaan-ciptaan Allah yang terdapat di muka bumi ini. Di antara ciptaanNya ada yang terdahulu dan ada yang terkemudian. Jikalau tiada niat kepada mengadakan semua itu nescaya tidak ada dan tidak akan terkemudian perkara yang terkemudian itu, sedangkan kesemuanya boleh untuk terkemudian atau terdahulu.<sup>60</sup>

<sup>58</sup> Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 49.

<sup>59</sup> Sūrah al-An'aam: 125

<sup>60</sup> Abī Bakr Muḥammad al-Tayyib al-Bāqillānī (1957), *Kitāb al-Tamhīl*. Bairut: al-Maktabah al-Syarīyyah, h. 27.

Kesimpulan dari-dalil 'aqli yang terdapat di dalam kitab-kitab Tauhid menjelaskan bahawa dalil-dalil tersebut adalah dengan penentuan sesuatu perkara itu ada yang menentukannya, dan yang menentukannya itu adalah *Irādah* yang berbeza dari *Qudrah* dan Ilmu.<sup>61</sup>

### 3.3.9 'Ilm

#### a) Pengertian.

Sifat 'Ilm ialah sifat yang azali, *qadim* dan ada pada *zat* Allah SWT. Dengannya segala *ma'lum* dapat diketahui<sup>62</sup>.

#### b) Dalil

Dalil bahawa Allah SWT bersifat dengan sifat 'Ilm terdapat dengan jelas di dalam *al-Qur'ān* dan juga Hadis Rasulullah s.a.w. antaranya firman Allah s.w.t<sup>63</sup>.

وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنْثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِ ۗ

maksudnya:

*Dan tiada mengandung seseorang perempuan (juga seekor betina), dan tidak pula satu-satunya melahirkan (anak yang dikandunginya) melainkan dengan keadaan yang diketahui Allah.*

Terdapat juga beberapa hadis *ṣaḥīḥ* yang membicarakan tentang sifat 'ilm Allah SWT. , di antaranya<sup>64</sup>

عن معاذ بن جبل قال: قال النبي (ص) يا معاذ اتدري ما حق الله على العبد ؟ قال:

<sup>61</sup> Mudasar Rosder (1989), *op.cit.*, h. 117.

<sup>62</sup> *Ibid*, h. 118.

<sup>63</sup> Sūrah Fatir: 11

<sup>64</sup> Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 17:124.

الله ورسوله أعلم قال: أن يعبده ولا يشركو به شيئاً أتدري ما حقهم عليه قال: الله ورسوله أعلم قال: أن لا يعذبهم

maksudnya:

*Daripada Muaz bin Jabal berkata: "Sabda Rasulullah s.a.w., ya Muaz! Adakah kamu tidak mengetahui apakah hak Allah terhadap hambaNya?. Muaz menjawab: Allah dan Rasulnya lebih mengetahui, Rasulullah bersabda, "Hendaklah menyembahNya dan jangan menyekutuiNya", Adakah kamu tahu hak hamba kepada Allah? Muaz menjawab bahawa Allah dan RasulNya lebih mengetahui, Rasulullah menjawab ialah tidak akan mengazab mereka.*

Selain daripada dalil-dalil *naqli*, para ulama Tauhid juga mendatangkan dalil-dalil yang berbentuk '*aqli* dalam mengisbatkan sifat Ilmu kepada Allah SWT. Dalil-dalil tersebut dibawa dalam dua cara, pertamanya dengan membawa kesempurnaan ciptaan Allah SWT. Sesungguhnya ciptaan Allah adalah sempurna dan lengkap, tidak mempunyai kecacatan dan mengandungi hikmat dan muslihat. Ciptaan yang sedemikian semestinya lahir daripada *Zat* Yang Maha '*Ālim*'.<sup>65</sup>

### 3.3.10 Sifat *Ḥayāh*.

#### a) Pengertian.

Kebanyakan kitab-kitab Tauhid yang ada membicarakan tentang persoalan sifat 20 mengibaratkan sifat *Ḥayāh* sebagai sifat yang membolehkan kepada sesiapa yang bersifat dengan, bersifat dengan sifat-sifat *Idrak*, umpamanya *al-'Ilm*, *al-Sam'*, *al-Baṣar*, dan sebagainya<sup>66</sup>. Allah SWT. bersifat dengan *ḥayāh*, maka benarlah dikatakan bahawa Allah SWT. itu bersifat dengan *al-'Ilm*, *al-Sam'*, *al-Baṣar*, dan sifat-sifat *Ma'ānī* yang lain, kerana sesuatu yang mati tentunya tidak mungkin bersifat dengan sifat-sifat tersebut. Hidup Allah SWT. bukan dengan ruh

<sup>65</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 126.

<sup>66</sup> *Al-Faḍālī* (1949), *op.cit.*, h. 52.

seperti manusia, dan tidak harus diiktikadkan bahawasanya ada bagi Allah SWT. ruh walaupun roh yang *qadim*.<sup>67</sup>

b) Dalil.

Penggunaan perkataan *ḥayāh* untuk mengisbatkan sifat tersebut kepada Allah tidak terdapat di dalam *al-Qur'ān* dan Hadis namun apa yang terdapat di dalam *al-Qur'ān* ialah kata terbitan daripada perkataan itu sama ada dengan kata kerja atau kata nama. Ianya dapat dilihat di dalam firman Allah s.w.t<sup>68</sup>

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

maksudnya:

*Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya*

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ

maksudnya:

*Dan berserahlah engkau kepada Allah Tuhan Yang Hidup, yang tidak mati; serta bertasbihlah dengan memujinya.*<sup>69</sup>

Kebanyakan para *mutakalim*, mendatangkan dalil yang berbentuk 'aqli dalam mengisbatkan sifat ini. Dalil yang biasa digunakan ialah berbentuk logik, iaitu dengan mengemukakan mukadimah yang pertama dan mukadimah yang kedua. Dalil kepada mukadimah yang pertama ialah dalil-dalil yang mewajibkan bagi sifat-sifat Ilmu, *Qudrah*, *Irādah* dan lain-lain itu, manakala dalil kepada mukadimah yang kedua ialah kerana tidak tergambar kepada yang bersifat Ilmu,

<sup>67</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit*, hal. 59

<sup>68</sup> Sūrah *al-Baqarah*: 255

<sup>69</sup> Sūrah *al-Furqan*: 58

*Qudrah, Irādah* dan yang lain-lain itu kepada yang tidak hidup.<sup>70</sup> Seperti Allah SWT. wajib bersifat dengan Ilmu, *Qudrah, Iradāh* dan segala sifat kesempurnaan bagiNya, setiap yang demikian adalah wajib bagiNya bersifat dengan *Hayāh*.<sup>71</sup>

### 3.3.11/12 Sifat *Sam'* dan *Başar*

#### a) Pengertian

Penulis menyatukan perbincangan bagi sifat *Sam'* dan *Başar* memandangkan kedua-duanya mempunyai hubungan yang amat rapat. Sifat ini membawa erti sifat yang azali yang berdiri dengan zat Allah SWT.<sup>72</sup> yang dengannya Allah SWT. mendengar dan melihat setiap perkara yang *maujūd*, sama ada yang *maujūd* tersebut terdiri daripada perkara-perkara yang wajib dan yang harus. Tidak ada sesuatu pun yang terlepas daripada sifat *Sam'* dan *Başar* Allah SWT. Tidak ada sesuatu perkara yang tidak didengar dan dilihatNya, sama ada perkara tersebut jauh atau dekat, tersembunyi atau terang, gelap atau cerah dan sebagainya. Maka dengan semua ini Allah mendengar dan melihat dengan sifat *Sam'* dan *Başar*Nya dan bukan dengan menggunakan mata dan telinga seperti makhluk ciptaanNya.<sup>73</sup>

#### b) Dalil.

Al-Qur'ān menyatakan dengan jelas, bahawa Allah SWT. bersifat dengan kedua-dua sifat *Sam'* dan *Başar* sebagaimana firmanNya<sup>74</sup>

<sup>70</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 130, lihat juga *al-Bayjuri* (t.t), *Tuġfat al-Murīd*, h. 71.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Al-Fadali (1949), *op.cit.*, h. 54

<sup>73</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 60.

<sup>74</sup> Surah al-Haj: 75

اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

maksudnya:

*Allah memilih utusan-utusanNya dari malaikat dan dari manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

Kebanyakan pengarang kitab Tauhid menggunakan dalil *naqli* dalam mengisbatkan sifat *Sam'* dan *Başar* di dalam penulisan mereka, seperti al-Ījīl, al-Sanūsī<sup>75</sup> dan lain-lain lagi. Namun begitu ada juga di antara mereka yang mendatangkan dalil berbentuk '*aqli* bagi menguatkan lagi hujah mereka. Sebagi mana yang dilakukan oleh Imam al-Ghazālī, beliau mendatangkan dalil '*aqli* yang menyatakan bahawa adalah lebih sempurna makhluk yang melihat daripada makhluk yang tidak melihat, yang mendengar lebih sempurna daripada yang tak mendengar. Menjadi perkara yang mustahil kita mengisbatkan sifat yang sempurna pada makhluk tetapi tidak pada yang menjadikannya.<sup>76</sup>

### 3.3.13. *Kalam*.

#### a) Pengertian

Sifat *Kalam* merupakan sifat yang menjadi perbahasan hangat di kalangan ulama dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam. Sifat ini dibincangkan secara meluas di kalangan ulama sehingga wujud Ilmu *Kalam* yang diambil sempena nama sifat ini.

<sup>75</sup> Mudasar Rosder (1989), *op.cit.*, h. 133.

<sup>76</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad al-Ghazālī (1963), *Al-Iqtisād Fī al-ʿItiqād*. Qāhīrah: Maktabah Muḥammad 'Alī Ṣubīh, h. 58.

Pengertian bagi sifat *Kalam* di dalam perbincangan Sifat 20 adalah diambil berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh golongan Al-‘Asyā‘irah. Pengertian yang dikemukakan oleh golongan ini ialah dengan mengatakan bahawa *Kalam* itu sebagai sifat azali, berdiri dengan zat Allah SWT. Ianya tidak berhuruf dan bersuara, tidak terdahulu dan terkemudian. Bersih daripada diam di dalam dirinya iaitu dengan tidak melakukan percakapan sedangkan berkuasa padanya. Ianya bersih daripada apa-apa kecacatan dan ianya tidak menyerupai sesuatu yang baharu.<sup>77</sup>

b) Dalil.

Dalil yang digunakan bagi mengisbatkan sifat ini adalah dengan menggunakan dalil *naqli* kerana di dalam al-Qur’ān terdapat ayat-ayat yang jelas menunjukkan bahawa Allah SWT. mempunyai sifat *Kalam*, di antaranya sebagaimana firman Allah SWT.<sup>78</sup>

وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا

maksudnya:

*Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan).*

Selain daripada itu terdapat juga mereka yang mengisbatkan sifat *Kalam* dengan menggunakan dalil ‘*aqal* seperti mendatangkan dalil sesungguhnya sifat *Kalam* menunjukkan sifat kesempurnaan, dengan itu maka wajiblah Allah SWT bersifat dengannya. Kalau tidak maka ia wajib bersifat dengan lawannya, maka jadilah Allah bersifat dengan kekurangan.<sup>79</sup>

<sup>77</sup> Al-Sanūsī (t.t), *Um al-Barāhīn*, h. 113.

<sup>78</sup> Sūrah al-Nisā’: 164

<sup>79</sup> Mudasar Rosder (1989), *op.cit.*, h. 144.



### 3.3.14 *Kaunuhu Qādiran.*

Perbahasan mengenai sifat ini adalah lanjutan dari sifat *Qudrah* di dalam sifat *al-Ma'ānī*.<sup>80</sup> Perbahasan mengenainya hanya dilakukan oleh golongan yang mengisbatkan *al-ḥal* iaitu sesuatu yang di antara *maujūd* dan *'adam*, tetapi perbahasannya tidak dilakukan oleh mereka yang menafikan *al-ḥal* kerana mereka menganggap tidak wujud perkara yang di antara *maujūd* dan *'adam*. Mereka berpendapat bahawa yang ada hanyalah sifat *ma'ānī* sahaja.<sup>80</sup>

Pengertian hal keadaan Allah SWT. *Qādir* itu ialah sebagai sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT., yang melazimkan sifat *Qudrah*. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukanlah sifat *Qudrah*. Sifat ini diisbatkan kerana Allah SWT. itu bersifat dengan sifat *qudrah* yang mewajibkan baginya hal keadaan Allah itu *Qādir*.<sup>81</sup> Manakala makna *Qādir* ialah yang berkuasa untuk membuat sesuatu dengan kehendak Allah SWT. dan yang berkuasa membatalkan sesuatu sekiranya ia tidak setuju. Setiap perbuatan yang tidak dikehendakinya lahir mengikut kemaslahatannya.<sup>82</sup>

### 3.3.15 *Kaunuhu Murīdan.*

Pengertian keadaan Allah itu *murīd* ialah sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. yang melazimkan sifat *Irādah*. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukanlah *Irādah*.<sup>83</sup> *Murīd* bererti sifat yang boleh mentarjihkan

---

<sup>80</sup> *Ibid.*, h. 146.

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *al-Bayjuri* (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. 78.

<sup>83</sup> *Al-Fadāli* (1949), *op.cit.*, h. 59.

berlakunya satu dari dua bahagian yang *mumkin*, atau yang berniat untuk melakukan satu dari dua bahagian yang *mumkin*.<sup>84</sup>

### 3.3.16 *Kaunuhu 'Āliman.*

Pengertian keadaan Allah itu *'Ālim* ialah sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. yang melazimkan sifat Ilmu. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukanlah Ilmu<sup>85</sup>.

### 3.3.17 *Kaunuhu Ḥayyan.*

Pengertian keadaan Allah itu *Ḥay* ialah sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. yang melazimkan sifat *Ḥayāh*. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukanlah *Ḥayāh*.<sup>86</sup>

### 3.3.18 *Kaunuhu Samī'an.*

Pengertian keadaan Allah itu *Samī'* ialah sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. yang melazimkan sifat *Sam'*. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukanlah *Sam'*<sup>87</sup>. Manakala makna *Samī'* ialah yang mendengar segala yang *maujūd*.<sup>88</sup>

---

<sup>84</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 147.

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 59.

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> al-Bayjuri (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. 78.

### 3.3.19 *Kaunuhu Baṣīrān.*

Pengertian keadaan Allah itu *Baṣīr* ialah sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. yang melazimkan sifat *Baṣar*. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukanlah *Baṣar*<sup>89</sup>. Makna *baṣīr* ialah melihat sesuatu yang merangkumi sesuatu yang didengar, dilihat tanpa ada sesuatu yang menyusahkan.<sup>90</sup>

### 3.3.20 *Kaunuhu Mutakalliman.*

Pengertian keadaan Allah itu *mutakallim* ialah sifat yang berdiri dengan *zat* Allah SWT. yang melazimkan sifat *kalam*. Ianya tidak *maujūd* dan tidak *ma'dum* dan ianya bukan sebagai sifat *Kalam*<sup>91</sup>.

## 3.4 *TA'ALLUQ SIFAT MA'ĀNĪ*

*Ta'alluq* bermaksud menuntut sifat iaitu bekerja sifat akan pekerjaannya serta melazimkan perkara yang lain yang bertambah atas berdirinya ia pada *Zat*<sup>92</sup>, seperti sifat *Qudrah* yang menentu perkara-perkara yang lain iaitu sama ada menjadikan *mumkin* atau meniadakannya kemudian ia berdiri dengan *Zat*. Sifat-sifat yang mempunyai *ta'alluq* terdiri daripada kesemua sifat-sifat *ma'ānī* yang tujuh kecuali sifat *ḥayāh*. Kesemua sifat ini, selain daripada berdirinya pada *Zat* ia melampaui kepada yang lain. Namun bagi sifat *ḥayāh* ia tidak mempunyai

<sup>89</sup> Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 59.

<sup>90</sup> al-Bayjuri (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. 78.

<sup>91</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 148.

<sup>92</sup> Abd. Ghani Yahya dan Umar Yusof (t.t), *op.cit.*, h. 46.

*ta'alluq* kerana sifat ini tidak melampaui kepada yang lain selain daripada berdiri pada *Zat* dan ianya hanya menjadi syarat pada akal bagi sifat *ma'āni*.<sup>93</sup>

### 3.4.1. *Ta'alluq* Sifat *Qudrah*.

*Ta'alluq* bagi Sifat *Qudrah* dinamakan "*ta'alluq* mengadakan" dan sifat *Irādah* dinamakan "*ta'alluq takhṣiṣ*" yang bererti menentu. Maka kedua-dua sifat ini dikatakan "*ta'alluq ta'thir*" iaitu *ta'alluq* yang memberi bekas. Tempat yang menjadi *ta'alluq* kepada sifat *Qudrah* ialah kepada perkara-perkara *mumkin* iaitu perkara-perkara yang harus adanya dan tiadanya, dengan lain perkataan, perkara-perkara yang boleh berubah-ubah. Sifat *Qudrah* tidak berta'alluq kepada perkara-perkara yang wajib dan mustahil. Namun bagi perkara-perkara yang *wajib 'aradī* dan *mustahil 'aradī* ianya termasuk di dalam perkara-perkara yang *mumkin*.

Secara umumnya *ta'alluq* bagi sifat *Qudrah* terbahagi kepada dua bahagian, yang pertamanya *Ta'alluq Ṣalūhī Qadim* yang bererti patut pada masa azali, iaitu kebolehanNya sejak azali untuk menjadikan sesuatu dan meniadakannya pada masa bukan azali (*imkan*). Ianya bermaksud sekiranya Allah SWT. menghendaknya ada, maka diadakannya, dan jika sekiranya Ia menghendaknya tiada, maka ditiadakannya. Kebolehan ini hendaklah dinisbahkan pada masa azali lagi dan proses meniadakan dan menjadikan itu hendaklah pada masa *imkan* iaitu waktu mula-mula dijadikan *mumkin*, adapun sebelum dari waktu *imkan* itu dinamakan azali.<sup>94</sup>

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 51.

Keduanya, *ta'alluq* bagi sifat *Qudrah* itu ialah *Tanjīzī Hadīth* yang bererti tunai di waktu yang baharu iaitu mengadakan *mumkin* atau meniadakannya dengan *fi'l* (perbuatan). *Ta'alluq* ini pula terbahagi kepada tiga bahagian pula iaitu, *ta'alluq Qudrah* dengan mengadakan *mumkin* setelah didahuluinya dengan tiada, *ta'alluq Qudrah* dengan meniadakan *mumkin* setelah ianya dijadikan dan *ta'alluq Qudrah* dengan mengadakan *mumkin* kerana membangkitkannya daripada kubur<sup>95</sup>.

Namun begitu ada pendapat ulama yang membahagikan *ta'alluq Qudrah* ini kepada tiga bahagian iaitu ditambahkan *Ta'alluq Qabḍah* selain daripada dua *ta'alluq* yang telah dibincangkan di atas. *Ta'alluq Qabḍah* bererti dalam genggamannya, maksudnya ialah dalam timbangan Tuhan sama ada hendak menjadikannya atau meniadakannya<sup>96</sup>. Jika sekiranya Allah menghendakinya tiada maka ditiadakannya dan begitulah sebaliknya.

*Ta'alluq Qudrah* adalah meliputi semua perkara yang *mumkin*, ini bererti bahawa setiap *mumkin* itu berlaku dengan *Qudrah*Nya dan *Irādah*Nya dan tidak terdapat sesuatu yang lain yang dapat memberi kesan ke atasnya<sup>97</sup>.

### 3.4.2 *Ta'alluq* Sifat *Irādah*.

*Ta'alluq* sifat *Irādah* hanya kepada perkara-perkara *mumkin* sahaja sebagaimana sifat *Qudrah* juga. Ianya tidak berta'alluq kepada perkara-perkara

<sup>95</sup> Al-Baijūrī (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. 64.

<sup>96</sup> Abd. Ghani Yahya, Umar Yusof (t.t), *op. cit.*, h. 47.

<sup>97</sup> Mudasar Rosder (1989), *op. cit.*, h. 109. Lihat Juga Muḥammad al-Husaynī al-Zawāhirī (1939), *al-Tahqīq al-Tam Fī 'Ilm al-Kalam*. Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 57.

yang wajib dan mustahil. *Ta'alluq*nya dinamakan *ta'alluq takhṣiṣ*<sup>98</sup> yang bererti menentukan

*Ta'alluq* sifat *Irādah* terbahagi kepada tiga bahagian, yang pertama, *Ta'alluq Ṣalūhī Qadīm* yang bererti patut pada masa azali, iaitu kesediaannya dari azali lagi untuk menentukan *mumkin* dengan segala perkara yang harus bagi *mumkin* sama ada untuk mengadakan atau meniadakan *mumkin* serta segala sifat-sifat baginya, masa, tempat dan sebagainya<sup>99</sup>.

*Ta'alluq* yang kedua bagi *Irādah* ialah *Ta'alluq Tanjīzī Qadīm*, yang bererti tunai pada masa azali iaitu Allah menentukan sesuatu dengan sifat yang ada padanya, seperti sifat ilmu<sup>100</sup>, seseorang bersifat dengannya itu adalah dengan *Irādah* Allah SWT. Penentuan sifat ilmu itu adalah semenjak azali lagi<sup>101</sup>.

Yang ketiga, *Ta'alluq Tanjīzī Ḥādīth* yang bererti tunai di masa yang baharu, iaitu penentuan sifat *Irādah* ketika diadakan makhluk dan ketika meniadakannya. Namun menurut al-Faḍālī di dalam kitabnya *Kifāyat al-'Awwām*, beliau berpendapat bahawa *ta'alluq* yang ketiga ini bukan *ta'alluq* melainkan sebagai penjelasan bagi *ta'alluq Tanjīzī Qadīm*.<sup>102</sup>

<sup>98</sup> Abd. Ghani Yahya dan Umar Yusof, *op. cit.*, h. 48

<sup>99</sup> *Ibid.*, h. 49.

<sup>100</sup> Mudasir Rosder (1989), *op. cit.*, h. 118.

<sup>101</sup> Noraine Abu (1999), *op. cit.*, h. 56.

<sup>102</sup> al-Faḍālī (1949), *op. cit.*, h. 49.

### 3.4.3 *Ta'alluq Sifat Ilmu.*

*Ta'alluq* sifat Ilmu adalah kepada segala perkara yang wajib, mustahil dan harus. Ianya dinamakan *ta'alluq Inkishaf*<sup>103</sup> yang bererti terang dan meliputi tiap-tiap sesuatu.

*Ta'alluq* sifat Ilmu hanya satu bahagian sahaja iaitu *Ta'alluq Tanjīzī Qadīm* yang bererti tunai pada waktu azali iaitu Allah SWT. mengetahui sejak azali lagi perkara-perkara yang wajib bagiNya, sifat-sifatNya dan zatNya dengan IlmuNya. Allah SWT. juga mengetahui segala yang mustahil bagiNya dengan makna bahawa Allah SWT. mengetahui bahawa syirik adalah mustahil padanya dan Allah SWT. mengetahui segala yang harus iaitu Allah SWT. mengetahui segala yang *maujūd* semuanya dan yang *ma'dum* semuanya<sup>104</sup>.

Bahagian *ta'alluq* bagi ilmu tidak mengandungi *ta'alluq ṣalūhī*, kerana dengan makna bersedia untuk mengetahui dengannya akan membawa kepada keadaan tidak diketahuinya dengan sebenar (*bi al-Fi'l*) sedangkan jika tidak diketahuinya dengan IlmuNya maka ianya adalah jahil<sup>105</sup>. Maha Suci Allah daripada bersifat sedemikian. *Ta'alluq* sifat *Qudrah*, *Irādah* dan Ilmu adalah mengikut turutan, di mana *Qudrah* mengikut *ta'alluq Irādah* dan *Irādah* mengikut *ta'alluq Ilmu*<sup>106</sup>.

<sup>103</sup> Abd. Ghani Yahya dan Umar Yusof, *op. cit.*, hal. 52

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> al-Fadālī (1949), *op.cit.* h. 51.

<sup>106</sup> Abd. Ghani Yahya dan Umar Yusof, *op. cit.*, hal. 52

### 3.4.4 *Ta'alluq Sifat Sam' Dan Baṣar*

Kedua-dua sifat ini berta'alluq kepada semua perkara yang *maujūd* sama ada yang wajib atau harus dengan syarat yang harus itu *maujūd*, kerana ada yang harus tidak *maujūd*. Tidak berta'alluq keduanya dengan perkara-perkara mustahil kerana tidak wujud wajah *ta'alluqnya* iaitu *inkishaf* yang bererti terang dan meliputi setiap yang maujud. Namun begitu *inkishaf* kedua-dua sifat ini tidak sama dengan *inkishaf* Ilmu dan begitu juga *inkishaf Sam'* dan *Baṣar* juga tidak sama di antara satu sama lain kerana jika sama *inkishaf* pada ketiga-tiga sifat ini akan membawa kepada *taḥṣīlu ḥaṣil*.<sup>107</sup>

*Ta'alluq* kedua-dua sifat ini lebih khusus daripada *ta'alluq* sifat Ilmu, iaitu setiap *ta'alluq* sifat *Sam'* dan *Baṣar* adalah Ilmu tetapi tidak semua *ta'alluq* Ilmu itu termasuk di dalam *ta'alluq Sam'* dan *Baṣar*.<sup>108</sup>

*Ta'alluq* bagi sifat *Sam'* dan *Baṣar* terbahagi kepada tiga bahagian. Pertamanya ialah *Ta'alluq Ṣalūḥī Qadim* yang bererti patut di masa sedia kala iaitu kebolehanNya pada azali untuk mendengar dan melihat sebelum adanya perkara-perkara yang *ḥadīth* lagi,<sup>109</sup> sebagai contohnya Allah SWT. mendengar dan melihat seseorang yang belum dilahirkan lagi. *Ta'alluq Ṣalūḥī Qadim* ini ialah kepada sesuatu yang belum dijadikan tetapi pada IlmuNya sudah diketahui bilakah akan dijadikan.<sup>110</sup>

<sup>107</sup> *Ibid.*

<sup>108</sup> Al-Sanūsī (t.t), *Syarḥ Um al-Barāḥīm*, h. 110

<sup>109</sup> al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 54.

<sup>110</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 61.



Keduanya ialah, *Ta'alluq Tanjīzī Qadim* yang bererti tunai pada masa azali, iaitu terang dan nyata *zat*Nya dan sifatNya sejak azali lagi dengan sifat *Sam*'Nya dan *Başar*Nya, Allah mendengar *Zat*Nya dan segala Sifat *wujūdiyyah*, umpama *Qudrah*, Ilmu dan lain-lain lagi.<sup>111</sup>

*Ta'alluq* sifat *Sam*' dan *Başar* yang ketiga ialah *ta'alluq Tanjīzī Ḥadīh* yang bererti tunai di masa yang baharu, iaitu Tuhan mendengar dan melihat setelah adanya perkara-perkara yang baharu. Perkara-perkara itu adalah *mukāshifah* bagi Allah dengan *Sam*'Nya dan *Başar*Nya. KeduaNya itu *zā'id* dari IlmuNya<sup>112</sup>

### 3.4.5 *Ta'alluq Sifat Kalam.*

*Ta'alluq* bagi sifat *Kalam* adalah sama dengan *ta'alluq* bagi sifat Ilmu di mana ianya berta'alluq dengan semua yang *maujūd*, sama ada yang *maujūd* itu wajib, mustahil ataupun harus. Namun wujud perbezaan pada wajah *ta'alluq* tersebut kerana *ta'alluq* bagi sifat Ilmu *ta'alluq Inkishaf*, manakala bagi sifat *Kalam* adalah *ta'alluq Dilālah*<sup>113</sup> yang bererti menunjukkan, iaitu sekiranya dibuka hijab, dan kita mendengar *Kalam* yang *Qadim* itu nescaya kita akan mengetahui daripadanya.

*Ta'alluq* bagi sifat *Kalam* terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu yang pertama *Tanjīzī Qadim*, yang bererti tunai di masa azali iaitu *Kalam* Allah SWT. yang menunjukkan kepada suruhan dan larangan atau lain daripadanya tetapi tidak

---

<sup>111</sup> al-Fadāli (1949), *op.cit.*, h. 54.

<sup>112</sup> *Ibid.*

<sup>113</sup> Abd. Ghani Yahya dan Umar Yusof (t.t), *op. cit.*, h. 53

disyaratkan ada yang disuruh dan yang dilarang<sup>114</sup>. Yang di maksudkan dengan *Kalam* Allah SWT. yang menunjukkan kepada suruhan dan larangan ialah Allah SWT. berkata-kata pada masa azali dengan memberitahu tentang suruhan dan larangannya sebagaimana firman Allah SWT.<sup>115</sup>

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ

maksudnya:

*Penzina lelaki dan penzina perempuan hendaklah kamu sebat dengan seratus sebatan.*

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَةَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya

*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*<sup>116</sup>

Kalam Allah SWT. yang tidak menunjukkan kepada suruhan atau larangan pula adalah sebagaimana firman Allah SWT.

إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah SWT. Maha Pengampun lagi Maha Pemurah*<sup>117</sup>

Adapun yang dimaksudkan dengan tiada disyaratkan ada yang disuruh dan yang dilarang ialah sebelum dijadikan makhluk ini<sup>118</sup>.

<sup>114</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 64.

<sup>115</sup> Sūrah An-Nur: 2

<sup>116</sup> Sūrah al-Isra'a:32

<sup>117</sup> Sūrah al-Mumtahanah: 12

<sup>118</sup> Noraine Abu (1999), *op.cit.*, h. 65

*Ta'alluq* yang kedua ialah *ta'alluq Ṣalūhī Qadīm* yang bererti patut pada masa sedia kala, iaitu *Kalam Allah SWT.* yang menunjukkan kepada suruhan dan larangan dan disyaratkan ada yang disuruh dan ada yang dilarang sebelum dijadikan<sup>119</sup>.

Bahagian *ta'alluq* yang ketiga pula ialah *ta'alluq Tanjīzī Ḥadīth*, yang bererti tunai di masa yang baharu, iaitu *Kalam Allah SWT.* yang menunjukkan kepada suruhan dan larangan dan disyaratkan ada yang disuruh dan yang dilarang. Yang dimaksudkan tunai di masa yang baharu, iaitu Allah SWT. berkata-kata pada masa azali dengan memberitahu kepada sekalian makhluk segala suruhan dan larangan setelah dijadikan makhluk.<sup>120</sup>

### **3.5. PERBAHASAN ULAMA DALAM SIFAT 20.**

Terdapat beberapa perselisihan pendapat yang berlaku di antara ulama dalam membincangkan sifat-sifat yang terkandung di dalam sifat 20. Perselisihan tersebut tidaklah membawa kepada penafian mereka terhadap kewujudan sifat-sifat tersebut pada Allah SWT. tetapi perselisihan ini berlaku kerana wujudnya perselisihan dalam memaknakan sifat-sifat tersebut dan perselisihan pendapat di dalam beberapa hal yang berkaitan dengan sifat-sifat tersebut.

---

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> *Ibid.*

### 3.5.1. Perbahasan Tentang Sifat Nafsiyyah

Terdapat perbezaan pendapat dalam persoalan *al-Wujūd* sebagai sifat *nafsiyyah*, sama ada ianya sebagai sifat atau hanya sebagai diri *zat* itu sendiri. Pendapat yang mengatakan bahawa wujud itu sebagai sifat yang wajib bagi Allah SWT. terdiri daripada golongan yang bermazhab Abū Manṣūr al-Māturīdī dan dikuatkan lagi oleh Imam al-Rāzī dan golongan yang sealiran dengannya<sup>121</sup>. Imam al-Asy'arī tidak menganggap *al-Wujūd* sebagai sebahagian daripada sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT. melainkan ianya 'ayn *zat* dan bukannya perkara yang *zā'id* pada *zat*. Ianya bermaksud wujud itu adalah diri *zat* itu jua dan bukannya suatu sifat. Wujud dan *zat* itu merupakan sesuatu yang sama<sup>122</sup>.

Permasalahan ini adalah berpunca dari masalah *al-ḥal*. Di sisi mereka yang mengisbatkan *al-ḥal*, mereka berpendapat bahawa wujud itu adalah sebagai sifat yang *zā'id* pada *zat* yang tidak di'illahkan dengan suatu *ma'nā*. Manakala bagi mereka yang menafikan *al-ḥal* pula berpendapat bahawa *al-wujūd* bukanlah sebagai satu sifat yang *zā'id* pada *zat* bahkan wujud itu adalah 'ayn *maujūd* atau diri *zat* Allah SWT. itu sendiri<sup>123</sup>.

### 3.5.2 Perbahasan Tentang Sifat Salbiyyah.

#### a) Persoalan Dalam Sifat *Qidam*.

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam menentukan sifat *Qidam* sebagai sebahagian daripada sifat-sifat yang wajib bagi Allah atau

---

<sup>121</sup> *Ibid.*, h. 26

<sup>122</sup> *Ibid.*, h. 29

<sup>123</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 80.

sebaliknya. Bagi mereka yang berpegang kepada *naṣ al-Qur'ān* dan hadis, berpendapat bahawa tidak ada sifat selain dari sifat *ma'ānī* kerana tidak terdapat dalil yang jelas daripada sumber-sumber tersebut mengenainya.

Pendapat *jumhur* ulama al-'Asyā'irah pula mengatakan bahawa *Qidam* bukanlah sifat yang *zā'id* bagi Allah SWT., tetapi Allah SWT. itu *Qadim* adalah dengan dirinya sendiri bukan dengan sifat *Qidam* yang wujud dan *zā'id* pada *zatNya*<sup>124</sup>.

Ibn Sa'īd al-Killābī mengatakan bahawa *Qidam* itu ialah sifat yang *maujūd* dan *zā'id* ke atas diriNya seperti sifat *ma'ānī*.<sup>125</sup>

Manakala ulama Kalam yang terkemudian mengatakan bahawa sifat *Qidam* ini adalah tergolong dalam sifat *Salbiyyah*.<sup>126</sup>

#### b) Persoalan Dalam Sifat *Baqā'*.

Perselisihan pendapat yang berlaku antara para ulama ialah dalam menentukan sama ada sifat *Baqā'* sebagai sifat yang *zā'id* pada *zat* atau ianya bukan sifat yang *zā'id* pada *zat* bahkan ianya *nafs al-wujūd* pada *zat*. Al-Asy'arī dan kebanyakan pengikutnya juga *jumhur* Mu'tazilah Baghdād berpegang kepada pendapat yang pertama<sup>127</sup> manakala pendapat yang kedua dipegang oleh Imam al-Baqīllānī, Imam al-Ḥaramain, Imam al-Rāzī dan kumpulan Mu'tazilah Baṣrah<sup>128</sup>.

<sup>124</sup> *Ibid.*, h. 84

<sup>125</sup> *Ibid.*

<sup>126</sup> *Ibid.*, h. 85

<sup>127</sup> Fakhṛ al-Dīn Muḥammad Ibn 'Umar al-Rāzī (1352H), *Kitāb al-Arba'īn Fī Uṣūl al-Dīn*. Haydrabad: Da'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, h. 185.

<sup>128</sup> *Ibid.*

Pertikaian ini berlaku adalah disebabkan oleh perselisihan faham di dalam memahami makna penerusan *zat* (*Istimrār al-Zat*), sama ada ianya merupakan *mafhum* yang *zā'id* pada *zat* atau sebaliknya<sup>129</sup>.

Imam al-Sanūsī pula bersetuju dengan pendapat ahli *pentahqiq* yang berpendapat bahawa sifat *Qidam* dan sifat *Baqā'* ialah sifat *Salbiyyah* iaitu ibarat dari menafikan sesuatu makna yang tidak layak bagi Allah SWT. dan ianya tidak mengandungi *ma'nā* yang *maujūd* di luar pemikiran.<sup>130</sup>

### 3.5.3. Perbahasan Tentang Sifat Ma'ānī.

Pembahasan yang timbul di dalam membicarakan sifat *ma'ānī* yang ketaranya, berlaku di antara golongan mu'tazilah dan golongan 'Asyā'irah. Golongan mu'tazilah menafikan bahawa Allah bersifat dengan sifat *ma'ānī* sebaliknya golongan 'Asyā'irah mengisbatkan sifat *ma'ānī* pada Allah SWT. sebagai *ma'nā* yang *zā'id* pada *zat* Allah SWT. Dalam mentafsirkan penafian tersebut, golongan Mu'tazilah tidak menafikan sifat-sifat *ma'ānī* sebaliknya menafikan sifat-sifat tersebut sebagai sifat yang *zā'id* pada *zat* Allah SWT. Perbahasan tentang sifat *ma'ānī* berlaku dalam berbagai bentuk,

#### a) Perbahasan Tentang Sifat *Qudrah*.

Perbahasan yang berlaku di dalam sifat ini adalah di antara golongan Mu'tazilah dan golongan 'Asyā'irah. Mu'tazilah berpendapat bahawa Allah itu *Qādir* dengan diriNya bukan dengan sifat yang *zā'id* daripada *zat*Nya. Manakala

<sup>129</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 87.

<sup>130</sup> al-Sanūsī (t.t), *op.cit.*, h. 81.

‘Asyā’irah pula berpendapat Allah SWT. itu *Qādir* dengan sifat *Qudrah*Nya dan *Qudrah* adalah sifat yang *zā'id* bersama dengan *zat*Nya. Ianya bukan Allah dan bukan yang lain daripadanya.<sup>131</sup>

b) Perbahasan Tentang Sifat *Irādah*.

Perbahasan yang timbul di dalam sifat *Irādah* ialah dalam menentukan makna bagi sifat *Irādah*<sup>132</sup> tersebut, Ḥusīn al-Najjar berpendapat bahawa *murīd* bererti Allah tidak kalah dan tidak boleh ditentangi, dengan makna tersebut *murīd* dikatakan tergolong dalam sifat *salbiyyah*.<sup>133</sup>

Abū al-Ḥusīn dan sebahagian Mu‘tazilah berpendapat bahawa *Irādah* Allah bererti ilmuNya memberi manfaat dalam perbuatanNya. Abū al-Ḥusīn menamakannya sebagai *al-Dā‘iyyah* yang bermaksud dorongan. Al-Ka‘bī pula berpendapat bahawa *Irādah* ialah ilmu Allah SWT. dengan apa yang ada padanya *maṣlahah* dan pada perbuatan lainnya adalah suruhannya<sup>134</sup>. Manakala al-‘Asyā’irah pula berpendapat bahawa *Irādah* adalah sifat yang berlainan daripada sifat *Qudrah* dan Ilmu malah ianya sifat yang mewajibkannya menentukan satu daripada dua perkara yang dikuasai untuk berlaku.<sup>135</sup>

Berlaku perselisihan pendapat di antara Mu‘tazilah dan al-‘Asyā’irah dalam menentukan sifat ini sebagai *qadim* atau *ḥadīth*<sup>136</sup>. Mu‘tazilah menurut pendapat Abū ‘Alī dan Abū Ḥāshim al-Jubbā‘i mengatakan bahawa *irādah* itu

<sup>131</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 112.

<sup>132</sup> Al-Faḍālī (1949), *op.cit.*, h. 49.

<sup>133</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 114

<sup>134</sup> Muḥammad ‘Abd Karīm Ibn Abī Bakr Aḥmad al-Shahrastānī (1990), *Al-Milal Wa al-Niḥal*, Thaḳīq ‘Abd ‘Azīz al-Wakīl, j. 1. Qāhīrah: Mu‘assasah al-Ḥalabī, h. 88.

<sup>135</sup> Mudasir Rosder (1989), *op.cit.*, h. 114 - 115

<sup>136</sup> *Ibid.*, h. 115

baharu dan berdiri dengan *Irādah* bukan dengan *zat* Allah SWT. Manakala al-‘Asyā‘irah pula berpendapat bahawa *Irādah* adalah sifat yang *Qadim*, berdiri dengan *zat* Allah, *zā‘id* pada *zat*Nya dan yang menentukan satu daripada perkara-perkara yang dikuasaiNya<sup>137</sup>.

c) Perbahasan tentang Sifat Ilmu.

Perkara yang berlaku perbahasan di antara Mu‘tazilah dan al-‘Asyā‘irah dalam sifat Ilmu sama ada ianya sebagai sifat yang *zā‘id* atau sebaliknya. Mu‘tazilah tidak mengakui bahawa adanya sifat yang *zā‘id* pada *zat*Nya dan berdiri dengan *zat* Allah SWT. Mereka hanya mengakui bahawa Allah itu bersifat ‘*Ālim* dengan *zat*Nya bukan dengan sifat Ilmu. Manakala pandangan al-‘Asyā‘irah pula, mereka mengakui adanya sifat Ilmu yang *zā‘id*, *qadim* dan berdiri pada *zat* Allah dan ianya bukan ‘*Ālim* malahan ianya menjadi ‘*illah* kepada ‘*Ālim*

138

d) Perbahasan Tentang Sifat *Sam‘* Dan *Başar‘*.

Perbahasan yang berlaku di dalam sifat *Sam‘* dan *Başar‘* ialah dalam menentukan makna bagi kedua-dua sifat ini<sup>139</sup>. Ahli Falsafah, al-Ka‘bī dan Abū Hūsin al-Başrī memaknakkannya sebagai ibarat daripada ilmu Allah dengan perkara-perkara yang didengar dan perkara-perkara yang dilihat<sup>140</sup>. Segolongan Mu‘tazilah pula memaknakkannya sebagai *mudrik* dengan perkara-perkara yang didengar dan dilihat yang mana ianya berbeza dengan ilmu. Manakala al-Jubbā‘i

---

<sup>137</sup> *Ibid.*

<sup>138</sup> *Ibid.*, h. 125

<sup>139</sup> *Ibid.*, h. 135

<sup>140</sup> *Ibid.*



dan pengikut-pengikutnya pula berpendapat dengan mengatakan bahawa Allah itu hidup dan tidak ada cacat baginya<sup>141</sup>.

Jumhur *ahl al-Sunnah* dan mu'tazilah berpendapat bahawa kedua-dua sifat ini bukanlah sifat Ilmu sebaliknya ianya mempunyai peranan yang tersendiri berdasarkan kepada dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Qur'an yang menunjukkan dengan jelas bahawa Allah SWT. bersifat dengan keduanya. Tidak ada sebab dan *qar'īnah* yang membolehkan kita mentawilkan keduanya sebagai sifat Ilmu.<sup>142</sup>

Perbezaan pendapat wujud di antara 'Asyā'irah dan Mu'tazilah dalam menentukan Allah SWT. *Samī'* dan *Baṣīr* dengan sifat *Sam'* dan *Baṣar* atau dengan *zatNya*. Al-'Asyā'irah berpendapat bahawa Allah SWT. *Samī'* dan *Baṣīr* dengan sifat *Sam'* dan *Baṣar*, manakala Mu'tazilah pula berpendapat bahawa Allah SWT. *Sam'* dan *Baṣar* adalah dengan *zatNya*.<sup>143</sup>

#### e) Perbahasan Tentang Sifat Kalam.

Perbahasan yang timbul dalam Ilmu Kalam mengenai sifat ini ialah dalam menentukan al-Qur'an sebagai *Kalam* Allah yang *Qadim* atau sebaliknya. Imam Aḥmad ibn Ḥambal berpegang kepada pendapat yang mengatakan bahawa al-Qur'an itu sebagai *Kalam* Allah yang *Qadim* dengan tidak membezakan *kalam lafẓī* dan *kalam ma'nawī*. Baginya *Kalam* Allah terdiri daripada huruf-huruf dan

---

<sup>141</sup> *Ibid.*, h. 136

<sup>142</sup> *Ibid.*

<sup>143</sup> *Ibid.*

suara yang bersusun dan berterusan antara satu sama lain<sup>144</sup>. Ianya sifat yang selayaknya bagi Allah SWT.

Golongan Mu'tazilah pula mengatakan bahawa al-Qur'ān itu baharu tanpa membezakan dari segi huruf dan *kalam lafzī* dan *kalam ma'nawī*<sup>145</sup>. Manakala pendapat golongan al-'Asyā'irah ialah dengan mengambil jalan tengah daripada dua pendapat di atas. Golongan 'Asyā'irah telah membahagikan *kalam* itu kepada dua bahagian itu *kalam lafzī* dan *kalam ma'nawī*<sup>146</sup>. *Kalam lafzī* adalah baharu dan *kalam ma'nawī* adalah *qadim*. Al-Qur'ān seperti yang kita dapat lihat itu, merupakan *kalam lafzī* dan *ma'na* di sebalik *kalam lafzī* itu merupakan *kalam* Allah yang *Qadim* lagi berdiri dengan *zat*Nya.

### 3.6. AL-ḤAL.

Perselisihan pendapat telah berlaku di antara ulama di dalam mengisbatkan sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT. Di antara perkara yang menyebabkan berlakunya perselisihan tersebut ialah *al-Ḥal*. Sebahagian ulama mengakui kewujudan *al-Ḥal* yang membawa kepada pengisbatan 20 sifat seperti yang dibincangkan di dalam sifat 20. Mereka terdiri daripada Imam al-Rāzī, al-Baqillānī, Imam al-Ḥaramain, Imam al-Sanūsī sesetengah daripada al-Maturīdiyāh dan lain-lain lagi Manakala sebahagiannya lagi seperti Imam al-'Asyā'irī menafikan wujudnya *al-ḥal*<sup>147</sup> yang menyebabkan mereka tidak

---

<sup>144</sup> *Ibid.*, h. 137

<sup>145</sup> *Ibid.*

<sup>146</sup> *Ibid.*

<sup>147</sup> Al-Sanūsī, "*Syarḥ Um al-Barāhīn*", h. 119.

mengisbatkan sifat *nafsiyyah* dan sifat-sifat *ma'nawiyyah* yang terdapat di dalam sifat 20

Pendapat mereka yang menafikan wujudnya *al-ḥal*, mereka hanya membahagikan sesuatu itu kepada tiga bahagian sahaja, iaitu *maujūd*, *ma'dum* dan *'amr i'tibārī*. Mereka tidak mengakui kewujudan sesuatu yang berada di antara *maujūd* dan *ma'dum* iaitu *al-ḥal*<sup>148</sup>. Bagi mereka yang mengakui kewujudan *al-ḥal* mereka membahagikan sifat-sifat wajib bagi Allah itu kepada empat bahagian seperti pembahagian yang dilakukan di dalam sifat 20.

*Al-ḥal* dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *ḥal nafsiyyah* dan *ḥal ma'nawiyyah*. *Ḥal Nafsiyyah* ialah ḥal yang berdiri dengan *zat* dalam keadaan tidak disebabkan dengan sesuatu sebab dan *zat* tersebut tidak akan diketahui melainkan Al-Sanūsī dengannya<sup>149</sup>. Sebab dinamakan sifat wujud itu sebagai *ḥal nafsiyyah* adalah kerana *ḥal* tersebut hanya melazimkan diri iaitu *zat*. Bagi mereka yang menafikan kewujudan *al-ḥal*, mereka berpendapat bahawa Sifat *al-wujūd* itu bukanlah sebagai sifat yang *zā'id* pada *zat*, bahkan *al-wujūd* itu adalah *'ayn maujūd* atau diri *zat* itu sendiri.<sup>150</sup>

*Ḥal ma'nawiyyah* ialah *ḥal* yang tetap bagi *zat* selagi mana *zat* itu di'*illah*kan dengan sesuatu '*illah*. Pendapat mereka yang mengisbatkannya bahawa ada sifat selain daripada sifat *ma'ānī* yang dinamakan sebagai *ma'nawiyyah*. Bagi mereka Allah itu *Qādir*, '*Ālim* dan sebagainya itu sebagai sifat *ma'nawiyyah*. Penafian bagi mereka yang tidak mengakui wujudnya *al-ḥal*

<sup>148</sup> *Ibid.*

<sup>149</sup> *Ibid.*, h. 93-94

<sup>150</sup> Al-Sanūsī (t.t), *Syarḥ Um al-Barāhīn*, h. 75

hanya kepada *Qādir*, *‘Ālim* dan sebagainya itu sebagai sifat yang *zā’id* pada *zat* tetapi mereka beranggapan *Qādir*, *‘Ālim* dan sebagainya adalah ibarat berdirinya *Qudrah* dengan *zat* Allah. Ianya sebagai *‘amr l’tibārī* atau *asmā’* Allah sahaja<sup>151</sup>.

---

<sup>151</sup> Al-Baijūrī (t.t), *Tuḥfat al-Murīd*, h. l 78